



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL. 16/2026

PERMOHONAN UNDI POS BAGI PILIHAN RAYA UMUM (PRU) DEWAN NEGERI JOHOR KE-16

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin memaklumkan mengenai **urusan permohonan undi pos dalam dan luar negara bagi PRU Dewan Negeri Johor Ke-16.**
2. Permohonan undi pos bagi semua kategori iaitu **Kategori 1A** (Anggota Polis, Anggota Tentera, Petugas Pilihan Raya, Ahli/Pegawai SPR, dan Petugas Media), **Kategori 1B** (warganegara Malaysia yang tinggal di luar negara), dan **Kategori 1C** (agensi/organisasi) telah dibuka mulai **Jumaat, 5 Jun 2026**. Semua permohonan undi pos hendaklah dibuat **secara dalam talian (*online*) di pautan <https://myspr.spr.gov.my>**. Pemilih yang layak dan berhasrat untuk mengundi secara pos hendaklah mendaftar atau mempunyai akaun MySPR sebelum membuat permohonan untuk mengundi secara pos.
3. **Tarikh tutup permohonan undi pos** bagi semua kategori akan dimaklumkan kelak. Untuk sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut, sila hubungi talian **03-88927080** atau e-mel ke **upup@spr.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

DATUK KHAIRUL SHAHRIL BIN IDRUS

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

5 Jun 2026 / 19 Zulhijah 1447H